

# 12 gagasan boleh dicapai

BH- 16/11/2006

## Pemimpin yakin manifesto Presiden dorong usaha capai kegemilangan

**K**UALA LUMPUR: Ucapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memperlihatkan ke-sungguhan Presiden Umno itu men-terjemahkan 12 gagasan bagi mem-bina masa depan negara dalam bent-uk tindakan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Presiden Umno berkata, gagasan yang dijadikan manifesto pi-lihan raya umum lalu sehingga Barisan Nasional (BN) mencapai ke-jayaan gemilang, jelas mahu diter-jemahkan Abdullah dalam bentuk tindakan sehingga mencapai hasil di-harapkan.

Katanya, ucapan Abdullah di-buat pada masa tepat, terus terang serta ikhlas terutama dalam men-gangani soal pentadbiran dalam negara pelbagai kaum serta per-ingatan mengenai wujudnya batas tertentu.

"Presiden mengingatkan kita mes-ti ada batas had kerana kita tidak

boleh membuat sesuatu yang boleh menimbulkan ketegangan kaum dan keadaan tidak tenteram dalam ne-gara," katanya kepada pemberita se-lepas majlis perasmian perhimpunan agung parti.

Najib berkata, kontrak sosial yang disentuh Abdullah secara am tidak dipertikai parti komponen Barisan Nasional (BN) tetapi mungkin wujud sesetengah individu yang menyua-rakan kritikan serta pandangan ter-tentu.

"Dasar parti komponen BN men-junjung kontrak sosial yang termak-tub dalam perlembagaan dan dasar negara. Begitu juga pemimpin uta-ma parti komponen BN. Mereka ter-ikat dengan dasar secara kolektif dan tidak boleh menolak dasar," kata-nya.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri, percaya tidak ada pihak yang akan membuat kenyataan ber-canggh dengan dasar dan keputu-

san yang dibuat BN serta kerajaan.

Mengenai isu yang dibangkitkan perwakilan pada perhimpunan agung Umno kali ini, Najib yakin kemampuan ahli parti membahas-kan usul.

Katanya, perwakilan juga sudah mendapat isyarat bahawa mereka bo-leh melakukan teguran membina ke-rana Umno sentiasa mahu maklum balas ahli untuk dijadikan input bagi penambahbaikan keputusan dasar kerajaan.

Bagaimanapun, Najib berkata, ter-pulanglah kepada kerajaan sama ada untuk menerima atau tidak perkara yang disuarakan perwakilan.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rus-tam, berkata semua pihak seha-rusnya menjadikan ucapan Abdul-lah sebagai peringatan untuk tid-ak mengambil kesempatan den-gan sikap keterbukaan Perdana Menteri.

"Presiden mengingatkan semua pihak bahawa walaupun Pak Lah bersikap terbuka, jangan timbulkan perkara yang sudah kita asaskan dengan kukuh sehingga menimbul-kan ketegangan kaum. Ini pendirian tegas beliau. Umno sentiasa mem-pertahankan hak orang Melayu," ka-tanya.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ucapan bernas Presiden dapat me-ningkatkan keyakinan rakyat dan orang Melayu mengenai apa yang dilakukan kerajaan berdasarkan 12 teras membina masa depan ne-gara.

Muhyiddin yang juga Menteri Per-tanian dan Industri Asas Tani, ber-kata konsep keterbukaan amalan Perdana Menteri turut bertujuan me-matangkan demokrasi.

"Ini ingatan supaya tidak ada pihak yang terlanjur atau bersikap tidak bertanggungjawab... semuanya mesti

secara berhemah," katanya.

Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata imbasan ter-hadap 12 gagasan itu akan mengi-ngatkan apa yang sudah, sedang dan akan dilakukan kerajaan serta menjawab tohmahan pihak tertent-ru.

"Saya beri markah cukup tinggi jika ucapan itu boleh dianggap 're-port card' pencapaian Perdana Men-teri dalam menjalankan tugas sele-pas tiga tahun," katanya.

Rafidah yang juga Menteri Perda-gangan Antarabangsa dan Industri (Miti), berkata penjelasan Abdullah juga menyangkal dakwaan ekonomi tidak baik dan pentadbiran tidak te-lus.

"Individu mahupun media juga ke-na gunakan keterbukaan ini untuk saling membantu, memberi panduan dan pandangan supaya sentiasa memperbaiki keadaan dengan mem-beri syor membina," katanya.